

Meningkatkan Pencapaian Bahasa Inggeris Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Dengan Menggunakan Kaedah Video Muzik

Jamilahbi Binti Mohamed Ishaque

Sekolah Rendah Kebangsaan Malim, Melaka
azmilah80@gmail.com

ABSTRAK

Pembelajaran bagi setiap murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) adalah berbeza-beza terutamanya jika murid terdedah kepada sesuatu yang baru seperti penggunaan Bahasa Inggeris. Dari pemerhatian awal guru, kebanyakan MBPK gagal untuk menguasai mata pelajaran ini disebabkan keupayaan kognitif mereka yang amat terhad dan juga penggunaan bahasa yang tidak difahami. Untuk mengatasi masalah ini kaedah penggunaan video muzik telah digunakan untuk membantu MBPK dalam meningkatkan pencapaian dan menarik minat mereka di mana gabungan audio visual yang berwarna - warni di dalam video muzik yang dipaparkan berupaya merangsang pemikiran dan menarik minat MBPK semasa pembelajaran Bahasa Inggeris. Kaedah ini lebih memudahkan mereka untuk memahami mesej yang ingin disampaikan semasa sesi pengajaran. Pelaksanaan amalan terbaik ini dijalankan dengan menggunakan format laporan amalan terbaik yang melibatkan 5 orang MBPK (masalah pembelajaran) dari kelas Sinaran 3 di Sekolah Kebangsaan Malim Melaka pada tahun 2018. Data yang dikumpulkan melalui ujian pra dan pos dianalisis secara kualitatif dan borang pemerhatian digunakan bagi melihat kecenderungan minat MBPK terhadap kaedah yang digunakan. Dapatan dari amalan terbaik ini menunjukkan terdapat peningkatan dalam pencapaian dan juga minat murid dalam mempelajari Bahasa Inggeris. Ini menunjukkan penggunaan video muzik boleh menimbulkan minat dan meningkatkan pencapaian MBPK di dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Diharap dapatan dari kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah video muzik sebagai salah satu bantu bantu mengajar (BBB) dalam kalangan murid-murid Pendidikan Khas.

Kata kunci: Bahasa Inggeris, Video Muzik, Murid Pendidikan Khas

Pengenalan Amalan Terbaik

Penggunaan komputer bukan dilihat sebagai kehendak sebaliknya ia merupakan satu keperluan masa kini. Seiring dengan perubahan teknologi terkini maka pendidikan yang masih bersifat tradisional atau berdasarkan kertas dan pen perlukan beralih ke arah pendidikan yang berteknologi terkini.

Bericara mengenai masyarakat, murid-murid pendidikan khas juga merupakan sebahagian dari ahli masyarakat yang berpotensi dan boleh meyumbang dalam menjayakan wawasan negara. Justeru itu, peluang yang sama perlu diberikan

kepada golongan ini untuk memperlihatkan potensi diri mereka mengikut tahap kebolehan mereka.

Perlu diketahui bahawa murid bermasalah pembelajaran di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah terdiri daripada mereka yang mengalami pelbagai masalah kesihatan seperti down syndrom, terencat akal, hyperactive, ADHD, lembam dan sebagainya.

Mengikut teori behaviorisme, pengajaran bahasa dikuasai melalui proses pengulangan, iaitu mengulang sebanyak mungkin sesuatu kemahiran bahasa sehingga menjadi suatu kebiasaan atau rutin. Kecekapan akan dikuasai jika kita sering berlatih. Oleh itu bahasa dikaji dari sudut rangsangan dan gerak balas.

Melalui teori ini, guru Pendidikan Khas perlulah merangka persekitaran pembelajaran dan memahami tahap kebolehan anak-anak istimewa ini supaya ia bersesuaian dengan topik dan aktiviti yang akan diperkenalkan kepada mereka. Antaranya ialah pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer. Alat bantu mengajar ini memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran di mana ia dapat mewujudkan situasi sebenar tentang apa yang ingin disampaikan. Penggunaan video muzik dapat memberi gambaran sebenar dan seterusnya dapat membina imaginasi kanak kanak istimewa ini.

Salah satu cara yang digunakan bagi merangsang emosi dan minat murid dalam pembelajaran adalah pembelajaran berasaskan muzik kerana kaedah ini sangat sinonim dengan kehidupan kanak kanak yang suka akan muzik nyanyian dalam kehidupan harian mereka. (Azli 2018)

Penggunaan video muzik semasa pembelajaran murid-murid Pendidikan Khas adalah sangat digalakkan di mana kaedah ini semakin popular sebagai media pembelajaran. Menurut (Gema 2017) video merupakan media pembelajaran yang membuat murid merasa seperti keadaan nyata. Penggunaan video muzik yang telah disesuaikan mengikut tahap dan kategori murid adalah sangat efektif dalam pembelajaran. Ini kerana video muzik sering menggabungkan unsur-unsur gabungan bina diri seperti audio visual, gerakan, warna, dan kesan tiga dimensi. Secara tidak langsung kaedah ini dapat menarik minat dan tumpuan mereka dalam pembelajaran.

Kelebihan lain yang boleh diperolehi dari kaedah pembelajaran menggunakan video muzik ini adalah pengulangan video lagu secara berulang kali. Seperti yang kita maklum kebanyakan murid - murid Pendidikan khas mempunyai daya ingatan yang sangat terhad. Bagi mengatasi kelemahan ini kaedah pembelajaran menggunakan video muzik akan banyak membantu murid dalam mengingati apa yang dipelajari. Kenyataan ini disokong melalui kajian David Reiss (2007) dalam "Video – based Multimedia Design," di mana beliau menyatakan bahawa pembinaan bahan media pengajaran mampu mengawal tumpuan dan perhatian pembelajaran pelajar. Hal ini diperkuuhkan lagi dengan penggunaan fungsi "main semula" atau "playback function" bagi video dan audio yang mampu merangsang bahagian emosi otak. Kesannya, pengguna menjadi lebih sensitif dan terlibat dalam media yang digunakan walaupun tidak secara logikal.

Penggunaan komputer di dalam pengajaran dan pembelajaran murid Pendidikan Khas adalah sangat penting untuk menarik minat murid PendidikanKhas untuk memberi tumpuan di dalam kelas semasa sesi pembelajaran berlangsung.

Menurut kajian Baharom Muhammad (2011) di mana beliau mendapati murid lebih berminat dengan sesi pengajaran yang menggunakan komputer berbanding kaedah tradisional.

Oleh yang demikian kaedah ini wajar dijalankan bagi melihat keberkesanannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris MBPK dan sejauh mana kaedah ini dapat membantu dalam pencapaian mereka.

Justifikasi Pelaksanaan Amalan Terbaik

McDonnell (1997) mengklasifikasikan murid berkeperluan khas kepada rencatan akal, gangguan tingkah laku, autisme, gangguan pembelajaran, kecacatan deria serta kecacatan fizikal dan kesihatan yang lain. Ada juga yang mempunyai gangguan yang pelbagai seperti rencatan akal dan gangguan tingkah laku.

Pendekatan pembelajaran bagi setiap MBPK adalah berbeza-beza dan mengikut kesesuaian mereka. Oleh yang demikian kaedah pembelajaran yang sesuai dan berkesan adalah perlu dalam membantu MBPK ini.

Melalui pemerhatian guru di dalam kelas, keupayaan MBPK untuk menguasai sesuatu pembelajaran yang tidak menggunakan bahasa ibunda amatlah terhad. Terutamanya bagi matapelajaran Bahasa Inggeris di mana kebanyakan murid tidak menujukkan minat semasa pembelajaran dan sukar untuk menguasai mata pelajaran kerana mereka tidak memahami maksud perkataan dan mereka tidak menguasai asas bahasa berikut. Secara logik MBPK tidak akan tertarik dan kurang memberikan tindak balas pada sesuatu yang tidak mereka fahami. Situasi ini akan menyebabkan kesukaran bagi guru untuk mewujudkan komunikasi dua hala yang baik semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung di dalam kelas.

Menurut Abdul Rahim Razalli, Noor Aini Ahmad dan Kamaliah Ahmad (2005), kajian menunjukkan bahawa teknologi komputer mampu memudahkan pelajar pelajar khas, terutamanya pelajar-pelajar bermasalah tingkah-laku dan bermasalah pembelajaran, mempelajari kemahiran membaca, menulis, dan mengira. Penggunaan multimedia dalam pendidikan banyak menarik minat pelajar dalam pembelajaran kerana ia menarik dan senang digunakan. Terdapat kepelbagaian seperti penambahan muzik, video, demonstrasi, malah pemahaman mereka menjadi lebih berkesan melalui penerangan melalui gambar-gambar dan tayangan secara langsung (Plamen & Rodgers, 2003)

Memandangkan penggunaan komputer telah berkembang dengan pesat, maka penggunaannya haruslah digunakan bagi membantu murid-murid Pendidikan Khas dengan tujuan untuk memudahkan pembelajaran mereka. Oleh itu pengajaran menggunakan video muzik ini wajar dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

Sepanjang pelaksanaan amalan terbaik ini guru telah melihat impak positif yang terhasil semasa penggunaan video muzik untuk membantu MBPK dalam menguasai Bahasa Inggeris dan peningkatan pencapaian mereka melalui satu ujian pra dan ujian pos bagi tajuk “*Parts Of Human Body*” yang merupakan salah satu tajuk dalam sukanata mata pelajaran Bahasa Inggeris KSSR Tahun satu.

Objektif Pelaksanaan



Penulisan amalan terbaik ini bertujuan untuk melihat keberkesanan kaedah pembelajaran menggunakan video muzik terhadap peningkatan pencapaian pembelajaran MBPK dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan seterusnya melihat sejauh mana kaedah pengajaran menggunakan video muzik ini dapat menarik MBPK dalam pembelajaran mereka.

Secara spesifiknya objektif pelaksanaan amalan terbaik ini adalah untuk :-

1. Pengajaran menggunakan video muzik boleh menjadi kaedah pengajaran yang berkesan untuk meningkatkan pencapaian Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) dalam pembelajaran Bahasa Inggeris
2. Pengajaran menggunakan video muzik boleh meningkatkan minat Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) dalam pembelajaran Bahasa Inggeris.

Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Pelaksanaan amalan terbaik ini adalah untuk menunjukkan keberkesanan kaedah pembelajaran menggunakan video muzik dalam pengajaran dan pembelajaran bagi tajuk “*Parts Of Human Body*” berpandukan kepada sukanata Bahasa Inggeris KSSR tahun 1 bagi murid Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran). Rajah 1 di bawah menunjukkan proses pelaksanaan amalan terbaik yang telah dilaksanakan. Objektif utama kaedah ini adalah untuk melihat peningkatan pencapaian MBPK dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris selepas didedahkan dengan pengajaran dan pembelajaran menggunakan video muzik. Bagi melihat perbezaan pencapaian dalam matapelajaran Bahasa Inggeris satu ujian pra dan satu ujian pos telah dijalankan kepada MBPK. Kaedah pemerhatian juga telah digunakan untuk melihat sejauh mana minat MBPK ini terhadap kaedah pengajaran menggunakan video muzik. Untuk mengukur tahap pencapaian murid, markah ujian bagi ujian pra dan juga ujian pos telah dianalisis.



Berdasarkan Rajah 2 di atas pelaksanaan amalan terbaik inilah adalah berdasarkan kepada beberapa sesi pengajaran dalam *tajuk “Parts of Human Body”* yang menekankan kaedah pembelajaran menggunakan video muzik. Sesi pengajaran ini diharapkan dapat memupuk minat dan semangat belajar MBPK terhadap mata pelajaran Bahasa Inggeris di samping meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran berikut. Jadual di bawah menerangkan tentang langkah-langkah amalan terbaik yang telah dijalankan sepanjang pengajaran dan pembelajaran berlangsung :-

Langkah- Langkah Pelaksanaan Amalan Terbaik	
Ujian Pra	<ul style="list-style-type: none">➤ Murid diberikan ujian pra bagi melihat tahap pencapaian dan kefahaman murid terhadap tajuk yang diberi. (<i>Parts of Human Body</i>)➤ Jawapan akan dinilai untuk mendapatkan markah bagi setiap murid.
Intervensi	<ul style="list-style-type: none">➤ Intervensi dijalankan selama 4 minggu (2 jam seminggu)➤ Murid mengikuti pembelajaran menggunakan kaedah pembelajaran berbantuan video muzik yang telah disediakan bagi tajuk “<i>Parts Of Human Body</i>”➤ Murid mendengar lagu dan menyebut perkataan. Murid melakukan pergerakan berpandukan kepada video muzik yang dimainkan
Ujian Pos	<ul style="list-style-type: none">➤ Sebaik sahaja tempoh intervensi tamat satu ujian pos dijalankan terhadap murid bagi melihat keberkesanan penggunaan video muzik dalam membantu pencapaian murid dalam tajuk yang sama (<i>Parts of Human Body</i>)
Pemerhatian	<ul style="list-style-type: none">➤ Guru menjalankan pemerhatian dari segi tingkah laku murid sepanjang proses pengajaran berlangsung bagi melihat kecenderungan dan minat murid terhadap kaedah pengajaran video muzik yang digunakan.

Sepanjang pengajaran berlangsung beberapa jenis perisian multimedia berbentuk video muzik yang bersesuaian dengan tajuk telah dipilih untuk digunakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Tujuan guru menggunakan lebih dari satu video muzik adalah untuk menambah kefahaman murid dengan lebih jelas dan untuk mengelakkan kebosanan murid jika hanya tertumpu pada satu penggunaan video muzik sahaja. Berikut dipaparkan video muzik yang telah digunakan oleh guru sepanjang pembelajaran berlangsung.

Rajah 3
Video Muzik yang Digunakan Sebagai Bahan Bantu Mengajar



Keberkesanam Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

1. Melihat Perbezaan Min Antara Ujian Pra dan Pos


MBPK telah menjalani ujian pra dan pos menggunakan set soalan sedikit berbeza. Perlaksanaan ujian pra dan pos untuk menilai sejauh mana peningkatan kemahiran mengingat murid bagi tajuk “**Parts Of Human Body**” dalam bentuk ujian penulisan. Hasil pencapaian ujian pra dan pos adalah seperti di bawah:

Jadual 1. 1
Taburan peratus Ujian Pra dan Ujian Pos

BIL	RESPONDEN	Ujian Pra	
		%	%
1	Murid 1	46	86
2	Murid 2	36	90
3	Murid 3	32	78
4	Murid 4	48	72
5	Murid 5	60	96
MIN		44.4	84.1


Hasil dapatan berpandukan pada jadual 1.1 dapat dilihat markah bagi ujian pra MBPK kurang memuaskan ini kerana 4 orang murid memperolehi markah di bawah 50% dan cuma seorang murid sahaja berjaya melepassi tahap peratusan yang telah ditetapkan. Teknik pembelajaran menggunakan kaedah muzik ternyata banyak memberikan kesan yang positif di mana data menunjukkan peningkatan pencapaian yang baik. Hasil dapatan ujian pos menunjukkan terdapat peningkatan yang tinggi bagi ujian pos bagi setiap MBPK seperti yang dinyatakan di dalam jadual 1.2 di bawah :-

Rajah 1.2
Graf Perbandingan Peratusan antara Ujian Pra dan Ujian Pos



Secara keseluruhan, dapat disimpulkan melalui peningkatan peratusan MBPK yang dinilai melalui data Min pada rajah 1.3, min markah ujian pra ialah sebanyak 44.4% dan ujian pos pula sebanyak 84.1%. Secara kesimpulannya berlaku peningkatan min sebanyak 39.7% setelah murid didedahkan dengan kaedah pengajaran menggunakan video muzik.

Rajah 1.3
Graf Perbezaan Min Markah Ujian Pra dan Ujian Pos



2. Minat Murid Terhadap Pengajaran Menggunakan Video Muzik

Bagi menjawab persoalan objektif kedua, iaitu adakah kaedah penggunaan video muzik dapat membangkitkan minat MBPK dalam mempelajari Bahasa Inggeris, guru telah melakukan perhatian bagi melihat kecenderungan minat serta tingkah laku MBPK sepanjang pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Borang senarai semak telah digunakan bagi merekod bilangan kekerapan bagi setiap fokus perhatian yang diperhatikan. Jadual 2.1 di bawah menunjukkan perolehan data yang telah diperolehi di mana data menunjukkan MBPK menunjukkan minat yang tinggi terhadap kaedah pembelajaran menggunakan video muzik dengan kekerapan 100%. 4 daripada 5 orang MBPK berjaya mengingati lirik nyanyian melalui paparan video muzik yang dipaparkan dengan peratusan sebanyak 80% manakala 4 orang MBPK berjaya menamakan dan menyatakan bahagian-bahagian anggota badan dengan baik dengan kekerapan 80 %

Jadual 2.1
Analisis Data Borang Senarai Semak Pemerhatian

Bil	Fokus pemerhatian	Kekerapan	Peratus Kekerapan (%)
1	Beri perhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung	5	100
2	Melibatkan diri semasa menyanyi	4	80
3	Menunjukkan minat dengan kaedah pembelajaran menggunakan video muzik	5	100
4	berjaya mengingat lirik lagu melalui video muzik yang dipaparkan	4	80
5	Dapat menyatakan bahagian-bahagian anggota badan dengan betul	4	80

Melalui ujian, pemerhatian dan analisis data, dapatlah disimpulkan bahawa kaedah pengajaran video muzik semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris telah dapat meningkatkan pencapaian MBPK dan memberi kesan positif terhadap minat murid dalam pembelajaran Bahasa Inggeris.

Rumusan dan Cadangan

Penulisan amalan terbaik yang dijalankan ini bertujuan untuk melihat keberkesanan kaedah pengajaran menggunakan video muzik dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris terhadap pencapaian dan minat Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK).

Merujuk kepada hasil analisis data yang dijalankan didapati objektif bagi amalan terbaik ini telah berjaya dicapai dan dapat dirumuskan bahawa penggunaan kaedah pengajaran menggunakan video muzik adalah satu teknik pengajaran yang sesuai dan sangat efektif di mana kaedah ini dapat membantu para guru dalam meningkatkan pencapaian MBPK di dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Di samping itu teknik ini juga merupakan satu teknik yang kreatif serta menyeronokkan di mana kaedah ini dapat menarik minat MBPK untuk lebih mengikuti pembelajaran yang diajar dengan lebih fokus.

Secara kesimpulannya kaedah penggunaan video muzik ini banyak memberi kebaikan kepada murid dan juga guru. Kaedah ini ternyata mampu membangkitkan keseronokan dan merangsang minat murid untuk belajar di mana suasana sesi pengajaran dan pembelajaran tidak berlangsung dalam keadaan tertekan. Diharapkan dengan penghasilan artikel penulisan amalan terbaik Pendidikan Khas ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak terutamanya kepada guru-guru, MBPK dan juga pusat perkembangan kurikulum dalam melahirkan generasi MBPK yang celik kepada teknologi dan mengikut arus perkembangan terkini di dalam dunia pendidikan.

Rujukan

- Abdul Rahim Razalli, Noor Aini Ahmad & Kamaliah Ahmad. (2005). *"Aplikasi Pengajaran dan Pembelajaran Komputer untuk Pelajar Berkeperluan Khas"*. Prosiding ICT Education. Putra Jaya, Malaysia: Universiti Multimedia
- Azli Ariffin. (2018). Reka Bentuk Model Aktiviti Penggunaan Lagu Kanak-Kanak Melayu Tradisional Untuk Peningkatan Imagination Kreatif Prasekolah. PhD thesis, University of Malaya
- Baharom Muhammad, (2011). *Teknologi Komunikasi dan Maklumat Dalam Program Pendidikan Khas Aliran Teknik dan Vokasional di Malaysia*. ATIKAN, 1(1).
- Carl R. Rogers (2003) *Client – Centered Therapy: Its Current Practice, Implications And Theory*. London. Constable
- David Reiss. (2007.) *Video – Based Multimedia Design: A Research Study Testing Learning Effectiveness*. Canadian Journal of Learning and Technology. Fall.

GEMA Online® Journal of Language Studies Volume 17(1), February 2017
<http://doi.org/10.17576/gema-2017-1701-04>

Kementerian Pelajaran Malaysia (2011) *Dokumen Standard Bahasa Inggeris Pendidikan Khas KSSR Tahun 1*. Kuala Lumpur.

Lorraine m. McDonell (1997) *Educating One Of All: Student With Disabilities And Standards Based Reform*. National Academia Press. (1997).

Mohamad Albaree Abdul¹, Hazhari Ismail², Ilylia Mohamad³, & Zaharah Osman⁴
(2019) *Perkembangan Emosi Kanak-Kanak Menggunakan Kaedah Pengajaran Berasaskan Aktiviti Muzik*, Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan, Vol. 8, 2019 (17-23) ISSN 2289-3032 / eISSN 2550-178X
http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK_17